

ABSTRAK

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti metode atau pendekatan bagi membangunkan akhlak remaja menurut Al-Quran. Penulis cuba mengenalpasti metode pembangunan akhlak yang diberi oleh ibubapa dan guru-guru kepada pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Ampang dan sejauh mana keberkesanan metode tersebut. Di samping itu, penulis turut melihat contoh-contoh pendekatan menurut Al-Quran yang sesuai diaplikasi bagi membangunkan akhlak pelajar. Tinjauan secara umum juga dibuat tentang contoh-contoh masalah akhlak yang berlaku dan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah tersebut.

Kajian ini banyak dilakukan melalui soal selidik di kalangan pelajar dan temubual bersama guru-guru. Penemuan penting daripada kajian ialah seperti berikut : Pertama, pelajar terlibat dalam pelbagai jenis masalah akhlak merangkumi masalah yang ringan hingga masalah yang boleh dikategorikan sebagai kes jenayah seperti penagihan dadah. Pelajar lelaki dan pelajar daripada kelas pencapaian akademik lemah merupakan kumpulan pelajar yang paling ramai terlibat dalam masalah akhlak. Kedua, faktor-faktor yang mendorong kepada masalah akhlak ialah faktor persekitaran, khususnya pusat hiburan seperti disko dan pub, faktor media massa, terutama pengaruh tidak sihat daripada majalah dan filem, persekitaran rumahtangga yang tidak kondusif, pengaruh rakan sebaya dan sikap segelintir guru yang tidak mempedulikan akhlak pelajar

Ketiga, beberapa metode atau pendekatan pembangunan akhlak yang diberi kepada pelajar oleh ibubapa dan guru telah dikenalpasti, seperti metode teladan, nasihat, galakan dan hukuman. Keempat, beberapa pendekatan yang berkesan bagi membangunkan akhlak pelajar remaja ialah metode pengajaran guru yang menarik serta metode teladan, nasihat dan kasih sayang oleh ibubapa. Kelima, beberapa metode pembangunan akhlak menurut Al-Quran yang sesuai diaplikasi kepada pelajar telah dikenalpasti iaitu metode teladan, nasihat, galakan, latihan dan hukuman dengan mengambilkira keadaan jiwa setiap individu pelajar

ABSTRACT

Generally, this study aims to examine the methods to develop moral among teenagers according to what stated in the Quran. The writer tries to focus on the current methods that are given to form four students in the secondary schools in Ampang by parents and teachers and the effectiveness of the methods. Besides that, the writer also examine the applications of the Quranic methods that are suitable to develop the moral of the students. A general overview on the moral problems and the factors contributing these problems are also being made.

Data for this study was mostly gathered by questionnaires on students and interviews among teachers. The main findings of the study are firstly, a number of moral problems was identified among the student sample ranged from small cases to big cases that are considered as a crime case such as drug addiction. Boys and the students from low academic achievement were mostly involved in the moral problems. Secondly, the factors that were responsible for the problems were the surroundings factor mainly from the existence of the discos and pubs, the mass media especially the negative elements from magazines and films, a non-conducive home environment, the influence of the peer groups and finally the attitude of a number of teachers who were less concerned with the moral of the students.

Thirdly, various types of methods and strategies to develop the moral of the students used by parents and teachers were identified such as role model, counselling, rewards and punishment. Fourth, the most effective methods to enhance students' morals were school effective methods of teaching and parents' role model, advice, love and caring. Fifth, the Quranic methods that are suitable to develop students' morals are role model, counselling, exercises on value practice, rewards and punishment applied accordingly on individual psychological situation.